

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Setiap masyarakat di dunia ini mempunyai cara tersendiri dalam menghargai keindahan yang secara tidak langsung mencerminkan falsafah dan pemikiran mereka. Perbezaan cara menghargai dan cerminan pemikiran tentang konsep keindahan ini dapat dilihat dengan menghubungkannya dengan pandangan dunia masing-masing. Pandangan dunia ini berbeza kerana perbezaan agama dan kepercayaan serta nilai dan adat resam yang dipegang oleh sesebuah masyarakat tertentu.

Orang Melayu memang terkenal dengan kepakarannya mengungkapkan buah fikiran secara halus dan tersirat; begitu juga dalam pengungkapan keindahan. Ketajaman pemerhatian, penghayatan dan seterusnya penghargaan orang Melayu dalam menilai keindahan jelas terakam dalam khazanah sastera, sama ada secara lisan atau tulisan.

Salah satu bidang yang jelas memperlihatkan kebijaksanaan orang Melayu ialah peribahasa dan pelbagai bentuk puisi lama. Dalam peribahasa dan puisi lama inilah

terkandung pemikiran orang Melayu. Penciptaan peribahasa dan puisi Melayu itu sendiri memerlukan kebijaksanaan agar buah fikiran yang hendak disampaikan dapat diterima dengan senang dan berkesan, malah berkekalan sepanjang zaman. Bagi mengenali orang Melayu perlulah dikaji dan diteliti khazanah sastera lisan ini kerana dalam peribahasa dan puisi Melayu terakam segala sifat, sikap dan pemikiran orang Melayu, sehinggakan berupaya menjadi lambang keperibadian orang Melayu.

## 1.2 Bidang dan Kaedah Kajian

Kaedah utama yang digunakan dalam penulisan ini ialah secara kajian kepustakaan. Penelitian dilakukan ke atas bahan-bahan yang dikumpulkan daripada buku-buku himpunan puisi Melayu, himpunan peribahasa Melayu, dan kamus bahasa Melayu. Bahan-bahan tersebut diberikan kod merujuk kependekan tajuk sumber rujukan atau nama penyusun. Antaranya:

1. Abdullah Hussin 1989. **Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (KIP)**. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
2. **Kurik Kundi, Merah Saga (KK)** 1990. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
3. Katharine Sim 1987. **More Than A Pantun (MTP)**. Times Books International: Kuala Lumpur.

4. Mohd.Tajuddin Hj. Abdul Rahman, Othman Puteh 1990. **Puisi Melayu Lama: Pantun dan Syair (PML)**. Sasbadi: Petaling Jaya.
5. Francois-Rene Daillie 1990. **Alam Pantun Melayu (APM)**. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
6. Zainal Abidin Safarwan 1995. **Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan (KU)**. Utusan Publications and Distributors Sdn.Bhd.: Kuala Lumpur.
7. Zainal Abidin Bakar 1984. **Kumpulan Pantun Melayu (KPM)**. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Penelitian khusus dilakukan ke atas pengungkapan-pengungkapan Melayu yang merupakan cara melahirkan buah fikiran dan perasaan bagi orang Melayu. *Pengungkapan* bererti mengeluarkan isi hati dengan kata-kata (Zainal Abidin Safarwan 1995:214). Bagi membuat pengkelasan terhadap pengungkapan-pengungkapan ini, Za'ba, S.Takdir Alisjahbana dan Keris Mas menjadi rujukan utama. Secara kasar bentuk-bentuk pengungkapan yang akan digunakan dalam kajian ini ialah peribahasa dan pelbagai bentuk puisi lama. Mengikut Za'ba(1965:165), peribahasa terbahagi kepada pelbagai bentuk, iaitu:

(i) *Peribahasa*, yang merupakan segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya, dipakai dan menjadi sebutan orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran.

(ii) *Bidalan*, yang lebih memberatkan tentang sifat melekatnya di mulut orang ramai dan tentang bandingan dan teladan yang ada di dalamnya.

(iii) *Pepatah*, yang lebih memberatkan tentang sifat ringkasnya, bijak perkataannya dan benar pengajarannya.

(iv) *Perbilangn*, yang bererti berenggan-enggan perkataannya disebut lepas satu, satu, seperti membilang, dan isinya telah dihitungkan seperti undang-undang.

(v) *Perumpamaan*, iaitu peribahasa yang menyebutkan sesuatu maksud dengan diumpamakan atau dikiaskan kepada sesuatu perkara lain dan oleh sebab itu, ertinya menjadi dua lapis.

*Simpulan bahasa* ialah rangkaian-rangkaian perkataan yang telah tetap tersimpul atau terbeku dengan susunan yang khas dan dipakai dengan erti yang khas berlainan daripada asalnya (Za'ba 1965:151). *Lidah pendita* juga turut dikaji. Mengikut Za'ba, *lidah pendita* sama keadaannya dengan peribahasa, cuma kurang masyhur terpakai oleh orang ramai. *Lidah pendita* biasanya dipetik daripada buku-buku dan sastera atau daripada percakapan orang bijak-bijak (Za'ba 1965:186).

Antara bentuk-bentuk puisi lama yang dikaji ialah pantun, gurindam dan bahasa berirama. *Pantun* berbentuk karangan berangkap yang biasanya terdiri daripada empat baris. Sari isinya terdapat dalam kedua baris yang terkemudian. Dalam dua baris itu disimpulkan dengan pendek dan indah sesuatu fikiran, perasaan, nasihat, kebenaran, pertanyaan dan lain-lain (S. Takdir Alisjahbana 1971:8).

*Gurindam* biasanya terbentuk daripada sebuah kalimat majmuk yang dibahagikan kepada dua baris yang bersajak. Maksud *gurindam* ialah "dengan pendek mengatakan sesuatu nasihat atau kebenaran". Isi *gurindam* hampir sama dengan peribahasa (S. Takdir Alisjahbana 1971:70). Dalam *bahasa berirama*, irama yang teratur dan sedap didengar diperoleh dengan menyusun kalimat-kalimat pendek-pendek, mengulang sesuatu lukisan dengan berbagai-bagai perumpamaan yang maksudnya sama (S. Takdir Alisjahbana 1971:83).

Konsep keindahan dalam pemikiran orang Melayu dapat dilihat dan dinilai dengan mengesan dan menyorot serta meneliti bentuk-bentuk pengucapan dan pengungkapan Melayu ini. Tinjauan juga dibuat terhadap penggunaan ciri-ciri bahasa yang berkaitan dengan manipulasi unsur-unsur bahasa secara kreatif, sama ada dari segi pemilihan perkataan atau susunan frasa dan

ayat yang menyentuh perasaan secara halus dan mampu mengungkap pemikiran orang Melayu.

Bagi melihat dengan terperinci konsep keindahan mengikut konteks yang melatarinya, bidang kajian hanya meliputi dua aspek, iaitu aspek rupa paras dan aspek budi bahasa. Kedua-dua aspek ini dipilih bagi menunjukkan nilai keindahan itu bukan sahaja tersurat secara zahiriah, iaitu diwakili oleh aspek rupa paras, malah boleh diteliti secara tersirat dalam nilai-nilai rohaniah yang diwakili oleh aspek budi bahasa.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk melihat dan meneliti seterusnya mengungkap pemikiran orang Melayu dalam menilai dan menghargai keindahan. Kajian ini akan membuktikan bahawa konsep keindahan dalam pemikiran orang Melayu bukan sahaja wujud di depan mata dan dapat dinikmati oleh pancaindera secara zahiriah semata-mata, bahkan juga dapat diselami dan dihayati yang tersirat di sebaliknya.

Konsep keindahan ini jelas terpancar daripada nilai-nilai rohaniah yang tidak mampu ditanggapi oleh pancaindera zahir tetapi memerlukan kebijaksanaan untuk meneliti dan

mentafsirkannya. Orang Melayu ada cara tersendiri dalam menilai keindahan. Pengungkapan dalam bahasa Melayu itu sendiri memiliki ciri-ciri keindahan. Setiap buah fikiran yang hendak disampaikan tidak semestinya dilahirkan secara langsung kerana dianggap kurang manis, sebaliknya disampaikan secara berselindung dan berkias ibarat agar lebih halus dan manis.

Oleh sebab itu, kajian ini akan cuba membuktikan keupayaan bahasa Melayu mengungkapkan idea yang bukan sahaja tepat, jelas dan berkesan, tetapi juga indah. Seterusnya, kajian ini cuba membuktikan kehalusan dan ketelitian orang Melayu dalam menyampaikan mesej dan mengungkapkan pemikirannya.

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan menghasilkan satu penilaian untuk meninjau konsep keindahan dalam pemikiran orang Melayu, dan seterusnya dapat menyingkap kebijaksanaan orang Melayu dalam mengungkap buah fikiran, khususnya mengenai keindahan. Hasil kajian ini diharap dapat menambahkan lagi khazanah Melayu yang berupa cerminan kebijaksanaan orang Melayu dalam menghargai keindahan.

#### **1.4 Konsep Keindahan**

Pelbagai takrif tentang keindahan diutarakan yang mencerminkan tanggapan yang berbeza-beza tentang keindahan. Ini juga mencerminkan tahap dan martabat tanggapan yang berbeza-beza tentang keindahan itu (Shafie Abu Bakar 1990:91). Keindahan sering dilihat sebagai sesuatu yang menyeronokkan dan menyenangkan yang berdasarkan tanggapan pancaindera.

Namun begitu, keindahan sebenarnya bukan semata-mata dilihat dengan mata dan melalui pengalaman indera lahir, tetapi menjangkau juga tanggapan pancaindera yang hanya boleh dinikmati melalui jiwa dan akal yang menghayati keindahan yang hakiki. Takrifan konsep keindahan dapat dilihat dari pelbagai aspek, termasuklah takrifan dalam bidang semantik dan pandangan tokoh-tokoh terkenal. Seterusnya dilihat beberapa takrifan konsep keindahan.

##### **1.4.1 Takrifan Dari Segi Semantik**

Terdapat banyak pengertian tentang perkataan *indah* dalam kamus bidang semantik. Perkataan *indah* sering dikaitkan dengan perkataan-perkataan sinonim seperti *cantik*, *elok* dan *baik*. Dalam bahasa Jawa pula perkataan *endah* mempunyai makna



yang sama yang bermaksud *bagus*. Dalam *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (1995:664), perkataan *indah*, antaranya, disepadankan dengan kosa kata *cantik, elok, permai, rupawan, jelita, kirana, bahari, sani* dan *majlis*.

Kata dasar *indah* membentuk kata nama *keindahan* yang disamaertikan dengan *kecantikan, keelokan, kemolekan, kemuliaan, kemegahan, kecemerlangan, kegemilangan, kemurnian, kepermaian, kebagusan, seri, pamur, kesenian, kehalusan* dan *jamal*. *Indah berseri* disepadankan pula dengan *mengerna, indah permai* dan *berbagai-bagai warna*, manakala *indah-indah* disepadankan dengan *mesra, sedap, nyaman, muluk-muluk, elok-elok* dan *adun-temadun* (1995:665).

Dalam kamus Winstedt, *An English Malay Dictionary*, *indah* disepadankan dengan perkataan *beautiful* dalam bahasa Inggeris. Bagi memerihalkan keindahan manusia, benda, tempat dan pembuatan, perkataan-perkataan yang sinonim dengan *indah* digunakan, iaitu *elok, cantik, permai, molek, rupawan, sari, cendayan (Jawa)*.

Mengikut pandangan Winstedt, perkataan *indah* biasanya digunakan semasa mengungkap keindahan pakaian, tempat dan hikayat. Perkataan *marghub* pula digunakan bagi menggambarkan keindahan muzik (1952:35). Perkataan *beautify*

atau *adorn* disepadankan dengan makna *menghiasi*, dan *beauty* pula diertikan sebagai *keelokan* atau *jamal* dalam bahasa Melayu. Bagi melambangkan kemuliaan dan kemegahan, perkataan *seri* digunakan bagi menggantikan *keindahan*. Contohnya, *seri negeri* untuk kebanggaan negeri, atau *seri panggung* untuk bintang bangsawan atau pelakon wanita utama di pentas (Winstedt 1952:35).

#### 1.4.2 Pandangan Barat

##### (i) Plato (428-348 B.C)

Plato mengatakan bahawa keindahan itu ialah realiti yang sungguh-sungguh dan merupakan sejenis hakikat yang abadi dan tidak berubah-ubah (Shafie Abu Bakar 1990:91). Dikatakan bahawa teori keindahan yang pertama diutarakan oleh Plato dalam *Symposium*. Tema utama *Symposium* adalah cinta, manakala keindahan pula ialah objek cinta (George Dickie 1977:3).

Mengikut Plato, seseorang itu perlu diajar mencintai keindahan bermula sejak awal usia. Dalam usia yang masih muda seseorang itu, pertamanya, perlu diajar untuk mencintai tubuh badan yang indah (tubuh manusia). Apabila ini berlaku, seseorang itu akan berkongsi keindahan itu dengan tubuh-tubuh lain yang juga indah. Kemudian mereka akan menyedari bahawa

keindahan jiwa yang lebih unggul terpancar daripada keindahan tubuh badan(George Dickie 1977).

Setelah menjangkau keindahan fizikal, sampai pula pada peringkat rohaniah, iaitu belajar mencintai amalan-amalan dan adat-adat yang indah dan seterusnya mengenali bahawa amalan-amalan ini berkongsi keindahan bersama. Seterusnya seseorang itu akan belajar mengenali keindahan dalam pelbagai jenis ilmu pengetahuan. Langkah terakhir ialah mengalami sendiri keindahan itu. Plato seterusnya merumuskan erti keindahan yang terbahagi kepada dua, iaitu:

(i) benda-benda yang indah yang terkandung dalam pengkelasan-pengkelasan objek yang kita lihat, dengar atau sentuh dalam *dunia pancaindera*.

(ii) Keindahan itu sendiri yang wujud terpisah daripada dunia penglihatan dan pendengaran yang dinamakan oleh Plato sebagai "*the intelligible world*"

(George Dickie 1977:4).

(ii) Plotinus (204-269 A. D)

Plotinus, seperti juga Plato, mempunyai pegangan yang sama, iaitu pengalaman keindahan itu sendiri bukan satu

pengalaman yang membelai rasa tetapi satu pengalaman intelektual. Kesan penting pemereseapan teori Plato dan Plotinus ialah penubuhan fahaman renungan sebagai idea pusat dalam teori keindahan dan sebagai akibatnya dalam pengalaman teori estetika. Renungan di sini bermaksud satu jenis meditasi (George Dickie 1977:6).

Hakikat mistik ini mustahil diterangkan secara jelas dengan menggunakan bahasa. Fokus utama dalam falsafah ini ialah Yang Esa (*The One*) yang menjadi sumber segala benda. Mengikut Plotinus, Yang Esa memiliki keindahan yang mutlak dan serba sedikit memercikkan keindahannya di dunia ini (William L.Reese 1980). Secara keseluruhannya, Plotinus mentafsirkan keindahan itu sebagai *Kemekaran Wujud*, iaitu munculnya sifat *indah* pada sesuatu benda bermakna benda itu sudah tercipta atau terwujud (Braginsky 1992:66).

(iii) *Thomas Aquinas (1225-1274 A.D)*

Thomas Aquinas pula menafsirkan keindahan sebagai sesuatu yang memberikan keseronokan atau kegembiraan kepada penglihatan dan seterusnya berhubung dengan fakulti-fakulti kognitif. Objek-objek yang indah mestilah mempunyai ketulusan atau kesempurnaan, keseimbangan atau keharmonian dan keceriaan atau kejelasan (William L.Reese 1980). Keindahan berhubung

dengan keinginan, iaitu "keindahan itu yang menenangkan, dengan melihatnya atau mengetahuinya".

Aquinas menekankan konsep kognitif terhadap pengalaman keindahan. Ini bermakna bahawa dalam pengalaman menikmati keindahan, fikiran mencakupi bentuk yang terjelma dalam objek yang dinikmati dalam pengalaman itu. Beliau mengatakan bahawa tidak ada bentuk tunggal atau yang sama dengan semua benda yang indah, tetapi lebih daripada itu fikiran menggarap bentuk tersebut yang menyebabkan objek tersebut seperti adanya (indah) (George Dickie 1977:8).

#### **1.4.3 Pandangan Islam dan Melayu**

Keindahan dalam Islam bersumberkan keindahan mutlak milik Allah s.w.t. Istilah-istilah yang menggantikan keindahan seperti *kekayaan Allah* dan *kebesaran Allah* merujuk kepada kemampuan Allah untuk mencipta yang tidak terbatas dan tidak disyaratkan apa-apa (kecuali ilmu-Nya dan kebijaksanaan-Nya) yang serba lengkap dan sempurna. Bukti kemampuan berkenaan ialah keindahan hasil ciptaan-Nya. Oleh sebab itu, keindahan dalam Islam ialah wujud sempurna yang dikurniakan Allah kepada benda dan yang menjelma secara eksplisit berupa benda itu (Braginsky 1994:20).

Imam al-Ghazali (1058-1111M) memberi definisi keindahan yang umum sebagai pernyataan kesempurnaan yang diwujudkan berupa sebuah benda dan sesuai dengan hakikatnya. Seorang penyelidik Rusia, A.V.Sagadeyev, mengulas tentang konsep keindahan yang dibincangkan dalam buku *Ihya Ulum ad-Din*, yaitu seperti yang berikut:

"Setiap benda mempunyai satu jenis kesempurnaan yang sesuai dengannya. Walau bagaimanapun, sesuatu yang sama sekali berlawanan dengan kesempurnaan itu mungkin merupakan kesempurnaan bagi sesuatu yang lain. Keindahan menyatakan diri secara bagus kalau sebuah benda mempunyai semua ciri kesempurnaan. Ketiadaan beberapa ciri berkenaan mengakibatkan keindahan yang menjelma berupa benda tersebut pasti merosot secara berkadar."

(A.V.Sagadeyev 1964:34)

Oleh itu, mana-mana keindahan menimbulkan cinta dalam jiwa penghayatan dan Allah Yang Maha Tinggi indah dan mencintai keindahan. Imam Ghazali, dalam karangannya *Kimya 'as-Sa'adah*, menjelaskan bahawa keindahan itu terbahagi kepada keindahan lahir yang bersifat inderawi yang dapat dialami bukan sahaja oleh anak-anak, bahkan binatang dan keindahan batin yang dapat ditanggapi oleh mata hati dan cahaya jiwa (Muhammad Abdul Jabbar Beg 1981:28).

Seorang lagi ahli falsafah Islam terkemuka, Ibn Khaldun (980-1037 M), memberi takrifan konsep keindahan seperti yang berikut:

"Jikalau benda yang direnung seimbang dalam rupa dan bentuknya sesuai dengan bahan yang dipakai untuk membuatnya supaya tuntutan bahannya sendiri terhadap harmoni dan kesepadanan yang sempurna tidak diabaikan, di sinilah makna keindahan..."

(Ibn Khaldun 1958:397-398)

Selain tokoh Islam dari Tanah Arab, terdapat juga cendekiawan Melayu yang mentakrifkan konsep keindahan dari sudut pandangan orang Melayu dan Islam. Antaranya, Haji Abdul Malik Abdullah (Hamka). Beliau mengatakan bahawa hidup ini tidak sempurna jika hanya menjalankan rutin dan keperluan harian serta mempelajari ilmu tetapi tidak meresapkan keindahan yang ada di dalam alam ini.

Tubuh badan memerlukan makanan dan pakaian serta tempat tinggal untuk meneruskan kehidupan; begitu juga akal, ada perasaan halus, manakala yang menyemarakkan perasaan halus itulah keindahan (Hamka 1961:71). Menurutny lagi, kehidupan dalam perasaan kerana keindahan, lunak dan halus yang menimbulkan pelbagai rasa, daripada perasaan gembira dan bahagia hinggalah kepada terharu.

Perasaan-perasaan itu menimbulkan ilham dan dengan perasaan itulah manusia merenung, mencari ketenangan dalam pergolakan. Pencarian erti keindahan ini digarap indah oleh Hamka dalam ulasannya:

"Jikalau benda yang direnung seimbang dalam rupa dan bentuknya sesuai dengan bahan yang dipakai untuk membuatnya supaya tuntutan bahannya sendiri terhadap harmoni dan kesepadanan yang sempurna tidak diabaikan, di sinilah makna keindahan..."

(Ibn Khaldun 1958:397-398)

Selain tokoh Islam dari Tanah Arab, terdapat juga cendekiawan Melayu yang mentakrifkan konsep keindahan dari sudut pandangan orang Melayu dan Islam. Antaranya, Haji Abdul Malik Abdullah (Hamka). Beliau mengatakan bahawa hidup ini tidak sempurna jika hanya menjalankan rutin dan keperluan harian serta mempelajari ilmu tetapi tidak meresapkan keindahan yang ada di dalam alam ini.

Tubuh badan memerlukan makanan dan pakaian serta tempat tinggal untuk meneruskan kehidupan; begitu juga akal, ada perasaan halus, manakala yang menyemarakkan perasaan halus itulah keindahan (Hamka 1961:71). Menurutny lagi, kehidupan dalam perasaan kerana keindahan, lunak dan halus yang menimbulkan pelbagai rasa, daripada perasaan gembira dan bahagia hinggalah kepada terharu.

Perasaan-perasaan itu menimbulkan ilham dan dengan perasaan itulah manusia merenung, mencari ketenangan dalam pergolakan. Pencarian erti keindahan ini digarap indah oleh Hamka dalam ulasannya:



"Manusia sejak dia dijelmakan, selalu merentang tali di antara alam dengan hatinya. Tumbuhlah kehalusan perasaan itu dengan sederhana pada mulanya, kerana melihat keindahan langit, kesuburan bumi dan keluasan laut,... tetapi kerana beratnya tekanan hidup, mencari beras seliter kadang-kadang kendurlah tali hubungan hati dengan alam itu atau pudar sama sekali. Demi apabila keperluan sehari-hari beransur kemakmurannya, mulailah dirasai bahawa hidup bukan semata-mata *cari makan*. Hidup bukanlah semata-mata tekun mencari ilmu. Ada yang lebih tinggi daripada makan dan ilmu, iaitu kehalusan perasaan buat menangkap yang indah yang ada keliling diri. Apabila ini tercapai, inilah *Tiang Hidup*."

(HAMKA 1961:72)

Shafie Abu Bakar pula, dalam mengulas tentang konsep keindahan, menyatakan bahawa keindahan itu dilihat sebagai sesuatu yang menyenangkan, menyeronokkan dan menghiburkan dan didasarkan tanggapan lahir yang berasaskan pada tanggapan inderawi dan tertakluk di bawah martabat nafsu yang rendah sifatnya, manakala yang melihatnya dari sudut hakikat yang filosofik dan metafizik adalah sebagai realiti yang mutlak (1990:91).

Menurut beliau lagi, pada tahap ini keindahan bukan dilihat melalui akal dan jiwa yang dapat menikmati keindahan yang hakiki. Seterusnya, tanggapan ini akan membawa kepada hidangan Allah dan mengenali keindahan itu adalah realiti sifat Allah yang hakiki (1990:92).

### 1.5 Khazanah Sastera Melayu

Bagi melihat konsep keindahan dalam pemikiran orang Melayu, kajian khusus dilakukan ke atas khazanah sastera Melayu, khasnya sastera Melayu lisan. Dalam khazanah sastera inilah terpancar falsafah dan pemikiran orang Melayu, di samping mencerminkan keperibadian bangsa Melayu.

Ketika menggambarkan sesuatu yang indah, para sasterawan Melayu klasik, terutamanya, berusaha menampilkan keseluruhan sifat yang dapat ditanggapi oleh deria penglihatan, deria dengar, deria bau dan lain-lain. Kesan semua deria itu disatukan sehingga menjadi satu imej yang padu dan utuh dengan perasaan yang *menyeluruh* (Braginsky 1992). Gambaran ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

"Syahdan di atas bunga itu ada seekor paksi *terlalu indah-indah* rupanya itu dan di bawah pohon kayu itu adalah seekor burung *terlalu elok rupanya dan terlalu indah-indah* bunyinya dan lagi ada seekor paksi itu berserdam di atas hamparan *terlalu ajaib sekali rupanya*. Maka ia pun hinggap kepada bejana itu dan terperciklah narwastu itu kepada tubuh Inderaputera *terlalu harum baunya*. Maka Inderaputera pun hairan melihat *yang indah-indah itu*. Syahdan maka Inderaputera memandang beberapa yang hairan dan ia pun tidurlah dengan berahinya mendengar bunyi-bunyian itu."

( *Hikayat Inderaputera:70* )

Keindahan itu dianggap sesuatu yang luar biasa dan beraneka ragam. Keanekaragaman itu diatur dan disesuaikan

dengan harmonis. Sesuatu yang indah, mengikut pemikiran orang Melayu, ialah sesuatu yang luar biasa yang mewujudkan rasa *hairan, ajaib, gharib, tamasya* dan kata-kata sinonim lain yang sering hadir dalam hikayat klasik bagi mengungkap keindahan (Braginsky 1994).

Dalam tradisi puisi Melayu pada zaman Islam, kebanyakan penyair berķarya bertitik tolak dari alam. Karya mereka menggambarkan keindahan dan keajaiban serta peristiwa yang berlaku di sekitarnya. Kemudian, para penyair itu akan menghubungkannya dengan kekuasaan Tuhan yang mencipta alam ini. Pancaindera zahir menimbulkan rasa terpicat dan penghayatan dalam jiwa orang yang merenungi keindahan. Orang Melayu bukan sahaja menghargai kewujudan sesuatu yang indah bahkan juga akan memanjangkan rasa takjubnya itu kepada keindahan Allah dan ciptaan-Nya. Hubungan ini tergambar dalam *Syair Makrifat* yang dihasilkan oleh Abdul Rauf Singkel, seperti yang berikut:

Jikalau diibarat sebiji kelapa,  
Kulit dan isi tiada serupa,  
Janganlah kita bersalah sapa,  
Tetapi beza tiadalah berapa.

Sebiji kelapa ibarat sama,  
Lafaznya empat suatu ma'na,  
Di situlah banyak orang terlena,  
Sebab pendapat kurang sempurna.

Kulit itu ibarat syariat,  
Tempurungnya itu ibarat tariqat,  
Isinya itu ibarat haqiqat,  
Minyaknya itu ibarat ma'rifat.

(Ismail Hamid 1992:63)

Seperti yang dibincangkan di atas, orang Melayu amat peka dengan unsur-unsur alam sekitar dan hubungan ini wujud akibat keperluan dan penggantungan hidup seharian mereka terhadap alam. Oleh sebab itu, tidak hairanlah pemikiran orang Melayu turut mencerminkan hubungan yang erat antara orang Melayu dengan dunia persekitarannya termasuklah dalam menghargai keindahan.

Bagi menggambarkan hubungan ini, dapat dilihat beberapa pengungkapan Melayu seperti peribahasa, gurindam, dan pantun yang berkonsepkan keindahan. Perhatikan bahasa berirama yang berikut:

Sehari tebas sudah,  
Sehari terbang sudah,  
Sehari mata memandang,  
Selarat istinggar memakan,  
Selejang kuda berlari.

(Hikayat Awang Sulung Merah Muda 1985:15)

Mengelit helang di udara,  
Runtuh kayu di kepala tanah,  
Bergigir siamang di kaki tanah,  
Menggeleng nenek Bidan Raja.

(Hikayat Awang Sulung Merah Muda 1985:16)

Dalam pengungkapan bahasa berirama di atas, jelas sekali sifat alam yang menjadi perhatian orang Melayu. Betapa indahnya gambaran ini yang menghuraikan keluasan ladang yang dibersihkan dalam pengungkapan pertama dan ketika hendak menugal dalam pengungkapan kedua. Keindahan ini terserlah dalam huraian yang terperinci tentang beberapa alamat atau tanda perangai haiwan dan suasana hutan ketika diterokai. Dalam contoh-contoh tersebut kita dapat melihat pandangan dunia orang-orang zaman dahulu tentang aspek keindahan sebuah ladang yang baru diterokai.

Gambaran yang terungkap indah dalam khazanah sastera Melayu ini membuktikan kepekaan dan kebijaksanaan orang Melayu dalam menilai keindahan. Dalam kajian ini, seterusnya akan diteliti konsep keindahan dalam budi bahasa dan rupa paras berdasarkan khazanah sastera Melayu ini. Melalui kajian ini, penulis juga meninjau bagaimana orang Melayu menilai keindahan dan menghubungkannya dengan alam sekeliling dan kehidupan mereka.

Hal ini dapat dilihat melalui pengungkapan-pengungkapan Melayu, seperti peribahasa dan puisi lama. Segala sifat, sikap dan keperibadian bangsa Melayu dapat disingkap dalam khazanah sastera Melayu ini, seterusnya menjadi cerminan pemikiran bangsa Melayu.

## **1.6 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, takrifan konsep keindahan masih mempunyai perbezaan mengikut pandangan dunia masyarakat masing-masing, walaupun asas pemikiran hampir sama. Dalam pemikiran masyarakat Melayu, keindahan itu dilihat secara implisit, bukan semata-mata yang tergambar atau yang dapat ditanggapi oleh pancaindera. Di samping itu, sebagai penganut agama Islam, mereka sering menghubungkan keindahan itu dengan kekuasaan Allah s.w.t.

Kajian ini diharap akan mencapai objektifnya dengan menyerlahkan lagi kebijaksanaan pemikiran orang Melayu dalam menilai keindahan, bukan sahaja berhubung dengan alam sekitar, kesenian dan sastera, tetapi juga dalam aspek budi bahasa dan rupa paras. Penilaian ini bukan sahaja menyingkap kebijaksanaan orang Melayu dalam mengungkapkan buah fikirannya dalam menghayati keindahan, bahkan dapat membuktikan bahawa bahasa Melayu berupaya mengungkap buah fikiran dengan tepat, jelas dan berkesan.